

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **MAKLUM BALAS**

#### **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) BERHUBUNG DENGAN KENYATAAN TAN SRI ABDUL HAMID BADOR YANG DILAPORKAN DALAM MEDIA TERHADAP DAPATAN SIASATAN EAIC MENGENAI ISU KEWUJUDAN KARTEL DALAM PDRM YANG DIKATAKAN “CETEK DAN TIDAK BETUL”**

**Putrajaya, Isnin, 28 Februari 2022** - Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) merujuk kepada kenyataan Tan Sri Abdul Hamid Bador yang dilaporkan dalam media yang mengatakan dapatan siasatan EAIC mengenai isu kewujudan kartel dalam PDRM adalah “cetek dan tidak betul”.

Barisan Pesuruhjaya EAIC sebulat suara mendapati Tan Sri Abdul Hamid Bador telah hilang haknya untuk membuat sebarang komen berkenaan isu kartel ini kerana dalam rakaman percakapan beliau kepada EAIC—

- (a) beliau tidak memberikan sebarang bukti yang dapat menyokong dakwaan beliau bahawa wujud kartel dalam PDRM;
- (b) beliau tidak menamakan mana-mana pegawai yang terlibat dalam isu kartel ini; dan
- (c) beliau mengakui selaku Ketua Polis Negara (KPN) tidak pernah membangkitkan mengenai isu kartel ini dalam mana-mana mesyuarat melibatkan Pengarah-Pengarah Jabatan PDRM Bukit Aman.

Justeru, barisan Pesuruhjaya EAIC mendapati—

- (a) beliau selaku KPN tidak mengambil tindakan sewajarnya, walaupun mengetahui berkenaan dengan isu kartel ini sejak tahun 2020 yang mana beliau mempunyai masa dan kuasa untuk menangani isu ini sebelum mendedahkannya kepada media;
- (b) beliau selaku KPN sepatutnya mengarahkan pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman untuk menjalankan siasatan secara terperinci dan tindakan sewajarnya perlu diambil terlebih dahulu sebelum isu kartel ini didedahkan kepada pihak media;
- (c) sebaliknya beliau tidak memberikan keterangan kepada pihak JIPS Bukit Aman supaya isu kartel ini dapat disiasat dan diselesaikan; dan
- (d) beliau selaku KPN tidak pernah membangkitkan isu kartel ini dalam Mesyuarat Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP).

Terdapat saksi dalam siasatan EAIC yang menyatakan bahawa kenyataan mengenai kewujudan kartel yang dibuat oleh Tan Sri Abdul Hamid Bador pada saat akhir sebelum kontrak beliau sebagai KPN tamat pada Mei 2021 menimbulkan persoalan mengenai motif dan tujuan pendedahan tersebut.

Selain itu, EAIC ingin menegaskan bahawa Tan Sri Abdul Hamid Bador enggan untuk dirakam percakapan lanjut bagi mendapatkan penjelasan berkenaan dengan isu-isu ini.

**TAN SRI SIDEK HASSAN**  
Pengerusi EAIC

**TAN SRI DATUK ZAINUN ALI**  
Timbalan Pengerusi EAIC

**TAN SRI MAHMOOD ADAM**  
Pesuruhjaya EAIC

**TAN SRI DATO' WIRA AZIAH ALI**  
Pesuruhjaya EAIC

**DATO' ALIZATUL KHAIR OSMAN KHAIRUDDIN**  
Pesuruhjaya EAIC

**DATO' JOHN LOUIS O'HARA**  
Pesuruhjaya EAIC

**PROF. DR. NIK AHMAD KAMAL NIK MAHMOD**  
Pesuruhjaya EAIC